



**TEKS UCAPAN
YBHG. DATUK SERI DR. ABDUL FATTAH
ABDULLAH
PRESIDEN ANGKASA
PRESIDEN ASEAN CO-OPERATIVE
ORGANIZATION (ACO)
NAIB PRESIDEN INTERNATIONAL
COOPERATIVE ALLIANCE ASIA AND
PACIFIC (ICA-AP)**

**MAJLIS SUMBANGAN CSR COOPCARE
SEPAKAT AIDILFITRI ANGKASA BERSAMA-
SAMA PELAJAR KATEGORI ASNAF DAN B40
SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN SRI
PERMATA**

Bismillahirrahmannirrahin
Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh, Salam Perpaduan Koperasi
dan Salam Madani,

**(PROTOKOL SAPAAN DIBERI SEWAKTU
MAJLIS)**



1. Syukur Alhamdulillah, dengan limpah izin dan kurnia Allah S.W.T kerana dengan rahmatnya, kita dapat bersama-sama pada pagi ini bagi menyempurnakan satu lagi inisiatif kebajikan iaitu dengan menyampaikan bantuan kepada pelajar yang juga merupakan anggota koperasi kategori asnaf dan B40 Sekolah Menengah Kebangsaan Sri Permata, Petaling Jaya.
2. terima kasih kepada Bahagian Komunikasi Korporat ANGKASA kerana telah mengatur majlis ini. Sesungguhnya peluang untuk bertemu dan bersama dengan anak-anak pada hari ini sungguh berharga walaupun dalam tempoh yang singkat.

Hadirin Yang Dihormati Sekalian,

3. Ketibaan Aidilfitri sememangnya dinantikan oleh segenap lapisan masyarakat di negara kita, tanpa mengira kaum, agama, latar belakang ekonomi dan status sosial. Kemeriahan Aidilfitri yang diraikan bersama-sama dapat menyuburkan semangat perpaduan di



mana persamaan ditonjolkan dan kepelbagaian yang ada diraikan.

4. Kemeriahan dan keriangian Aidilfitri akan lebih bermakna apabila dikongsi dengan mereka yang memerlukan bantuan dan serba kekurangan. Kemenangan selepas berpuasa selama sebulan membuka ruang yang luas untuk kita memupuk nilai-nilai keprihatinan, saling menghormati dan menyayangi serta berkongsi kegembiraan dan kemajuan yang dikecapi bersama-sama dengan insan yang memerlukan.
5. Sehubungan itu ANGKASA telah sekian lama melaksanakan pelbagai aktiviti dan program Tanggungjawab Sosial Koperasi (CSR) yang merupakan tunjang dan nadi koperasi berlandaskan prinsip dan nilai dalam memberi manfaat dan impak positif bukan sahaja kepada anggotanya malah kepada masyarakat umum.

Hadirin Yang Dihormati Sekalian,



6. Program CSR CoopCare Sepakat Aidilfitri ANGKASA pada hari ini adalah salah satu daripada program CSR CoopCare ANGKASA untuk berkongsi kemeriahan dan kegembiraan dalam menyambut Syawal yang bakal tiba serta mengeratkan tali silaturrahim antara ANGKASA dan koperasi.
7. Menerusi program ini, ANGKASA akan menyerahkan **sumbangan keseluruhan bernilai RM15,000** berbentuk kelengkapan pakaian baharu untuk hari raya dengan peruntukan RM200 setiap pelajar, bantuan barang keperluan harian seperti beras, minyak masak menerusi projek Barang Asas 100 (BA100) ANGKASA bernilai RM50 dan wang tunai atau duit raya sebanyak RM50 **kepada 50 orang pelajar kategori asnaf dan B40 selaku anggota koperasi sekolah Menengah Kebangsaan Sri Permata, Petaling Jaya.**
8. Para pelajar diberi peluang untuk membuat pemilihan kelengkapan pakaian baharu sendiri di Pasar Raya Besar Mydin



Subang Jaya hari ini. Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada pihak pengurusan Pasar Raya Besar Mydin Subang Jaya yang memberikan ruang dan kerjasama kepada kita untuk melaksanakan program ini.

9. Pemilihan anggota koperasi Sekolah Menengah Kebangsaan Sri Permata dibuat mengambil kira sekolah ini merupakan jiran atau kariah kepada ibu pejabat ANGKASA di Kelana Jaya.
10. Saya yakin dan percaya semangat kerjasama, tolong-menolong, mengambil berat dan kebersamaan yang diterapkan oleh koperasi ini selari dengan sebuah hadis daripada Abi Syuraih R.A., bahawa Rasulullah S.A.W. bersabda:

**"Barangsiapa yang beriman kepada Allah dan hari akhirat, maka hendaklah dia berbuat baik kepada jirannya."
[Riwayat Muslim (77)]**



11. Semoga dengan adanya bantuan ini sedikit sebanyak membantu anak-anak semua menikmati kemeriahan Aidilfitri dengan lebih gembira di samping dapat memperkukuhkan keimanan kita serta mendapat keberkatan Allah S.W.T.

Hadirin Yang Dihormati Sekalian,

12. Saya juga ingin menyeru kepada anak-anak semua, gunakanlah manfaat koperasi sekolah sebagai platform bantu diri ataupun sebagai tempat untuk mendapatkan produk mahupun perkhidmatan yang bukan sahaja dapat meningkatkan perolehan koperasi malah manfaatnya akan berbalik kepada anak-anak semua sebagai anggotanya juga.
13. Koperasi sekolah juga merupakan platform terbaik untuk para pelajar mendalami ilmu keusahawan koperasi. Para guru dan pelajar secara praktikal akan bersama – sama dalam kepimpinan, pengurusan serta urusan jual beli di kedai koperasi. Proses luar kelas ini secara tidak langsung



akan membuka minat mereka untuk berkecimpung dalam bidang berkaitan keusawahanan dewasa kelak.

14. Sehingga kini, terdapat **2,473 buah koperasi** sekolah dengan **1.98 JUTA keanggotaan**. Sebanyak **14 buah koperasi sekolah telah mencapai perolehan RM1 juta** dan ini jelas menunjukkan negara sebenarnya mempunyai bakat seawal usia persekolahan lagi. Saya yakin dan percaya, potensi anda semua sebagai pemimpin koperasi dapat digilap dan memberi nafas baharu kepada kecemerlangan koperasi sekolah SMK Sri Permata sekaligus memberi sumbangan kepada gerakan koperasi yang kita cintai.
Hadirin Yang Dihormati Sekalian,

15. Sekali lagi saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang sudi meluangkan masa untuk sama-sama memeriahkan majlis pada pagi ini dan tahniah juga diucapkan kepada semua pihak yang bertungkus-lumus untuk



menjayakan CSR CoopCare Sepakat Aidilfitri ANGKASA pada hari ini.

16. Hari ini 18 Ramadan dan InsyaAllah kita akan bertemu dengan 10 hari Ramadan terakhir beberapa hari lagi. Rebutlah peluang untuk mengutip ganjaran pahala sebelum ia meninggalkan kita. Semoga amal ibadah kita diterima Allah SWT, InsyaAllah.
17. Selamat berpuasa, Sempena Selamat Hari Raya Aidilfitri dan Maaf Zahir dan Batin.

Sekian, terima kasih.

Wabillahittaufiq walhidayah
wassalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh.